

Persepsi Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Terhadap Tanggungjawab Kepimpinan Dakwah Di Universiti Teknologi Malaysia

Abd. Rahman Hamzah & Wan Fahmie Abdillah Wan Husin

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar SPI terhadap kepentingan dan keperluan kepimpinan dakwah dalam kehidupan serta mengenalpasti penglibatan pelajar SPI dalam aktiviti tersebut di UTM. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui cara yang sesuai untuk meningkatkan penglibatan pelajar SPI dalam kepimpinan dakwah dan turut mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar SPI untuk aktif dalam aktiviti berkaitan. Seramai 133 orang pelajar daripada jumlah keseluruhan pelajar SPI terlibat sebagai responden kajian. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu A, B, C, D dan E. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science Version 12.0 for Windows (SPSS)* dengan member tumpuan kepada nilai kekerapan, peratusan dan min. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah $\alpha=0.856$. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden mengenai kepentingan dan keperluan kepimpinan dakwah dalam kehidupan dan juga penglibatan mereka berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min 4.50 dan 3.88. Begitu juga kajian terhadap cara yang sesuai untuk meningkatkan penglibatan pelajar turut berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min 4.35. Namun begitu, maklum balas terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk aktif dalam kepimpinan dakwah berada pada tahap sederhana dengan nilai purata min 3.34. Di akhir kajian, pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diambil perhatian bagi meningkatkan kefahaman dan penglibatan pelajar terhadap tanggungjawab kepimpinan dakwah.

Katakunci : persepsi pelajar, tanggungjawab kepimpinan dakwah

Pengenalan

Dakwah merupakan suatu tugas yang sangat penting dalam menyeru manusia ke jalan Allah dan mencegah daripada kemungkaran agar beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Kedudukan dakwah adalah amat mulia di sisi Allah S.W.T dan berjajalah mereka yang melaksanakan dakwah di jalan Allah seperti yang digariskan di dalam al-Qur'an :

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya : “Dan hendaklah ada di antara kamu satu pihak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala perkara yang mungkar. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya ”.

(Surah 3, Al-Imran : 104)

Menurut Mustafa Masyhur dalam Wan Asiah Binti Wan Husin (2007:1), aktiviti dakwah amat dituntut lebih-lebih lagi realiti masa kini berlakunya keruntuhan moral dan akhlak di

kalangan masyarakat Islam serta menyedari tiada keseimbangan antara pendidikan sekular (keduniaan) dan agama. Dakwah merupakan suatu agen untuk menerapkan keimanan di hati umat Islam supaya mengamalkan segala suruhan Allah dan menghayati cara hidup Islam sepenuhnya di dalam kehidupan seharian.

Ini jelas menunjukkan bahawa tugas berdakwah adalah menjadi tanggungjawab kepada setiap Muslim sama ada lelaki mahupun perempuan. Tanggungjawab ini adalah bagi menyambung tugas para nabi dan rasul dalam mengembang dan menguatkan paksipaksi Islam dan seterusnya menjulang agama Allah pada martabat yang paling tinggi.

Dalam konteks kehidupan hari ini, gerakan berdakwah haruslah dilaksanakan oleh setiap individu muslim bagi tujuan yang suci dan ikhlas bagi memakmur, mengislah serta mengangkat nilai dan martabat manusia. Betapa pentingnya perlaksanaan gerakan dakwah dapat dilihat melalui situasi dan fenomena yang berlaku dalam dunia dan kehidupan seharian umat manusia. Ini sejajar dengan pemikiran umat manusia yang telah dipengaruhi oleh anasir-anasir sekularisme, gejala keruntuhan akhlak yang semakin membimbangkan termasuk perkara yang melibatkan penghakisan iman dan akhlak serta penyelewengan akidah.

Rentetan itu, segala kandungan dan pelaksanaan dakwah perlu berlandaskan dua sumber utama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah bagi menjaga supaya tidak tersasar daripada matlamat dan tujuan sebenar dakwah. Begitu juga dengan individu pendakwah, dalam diri mereka perlu ada ilmu-ilmu yang meliputi ilmu Tauhid, ilmu Feqah dan sebagainya serta perlu ada sifat-sifat *mahmudah* seperti sabar, jujur dan ikhlas.

Pernyataan Masalah

Kajian ini lebih mengfokuskan kepada mahasiswa Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap sejauhmana penglibatan mereka dalam kepimpinan dakwah di Universiti Teknologi Malaysia. Mahasiswa SPI perlu aktif dan terlibat dalam segala aktiviti yang melibatkan kepimpinan dakwah dan jika dilihat dalam organisasi kelab-kelab dan persatuan-persatuan mahasiswa di UTM, sebilangan besar disertai oleh pelajar SPI. Namun begitu, penglibatan dan penyertaan dalam program dan persatuan kepimpinan dakwah tidak disertai sepenuhnya oleh pelajar SPI. Ini memperlihatkan ada sebilangan kecil yang kurang cenderung untuk aktif dalam persatuan dan program-program kepimpinan dakwah di UTM. Mereka yang merupakan bakal pendidik serta pendakwah semestinya melibatkan diri dalam kepimpinan dakwah bagi menjadikan ilmu tersebut sebagai bekal untuk terjun dalam masyarakat.

Oleh kerana itu, satu kajian perlu dijalankan bagi melihat dan mengkaji persepsi mereka terhadap kepentingan dan keperluan kepimpinan dakwah dan juga akan dikaji masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka serta mencari langkah yang sesuai untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam kepimpinan dakwah di UTM.

Objektif Kajian

1. Untuk melihat persepsi pelajar SPI terhadap kepentingan dan keperluan kepimpinan dakwah dalam kehidupan.
2. Untuk mengenalpasti penglibatan pelajar SPI dalam tanggungjawab kepimpinan dakwah di UTM.
3. Untuk mengetahui cara yang sesuai untuk meningkatkan penglibatan pelajar SPI dalam kepimpinan dakwah di UTM.
4. Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar SPI untuk aktif dalam kepimpinan dakwah.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai yang melibatkan seluruh pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam). Apabila bergelar mahasiswa dan mahasiswi Pengajian Islam, maka telah termaktub pada diri dan personaliti sebagai seorang ustaz dan ustazah serta pendakwah. Lapisan masyarakat akan memandang mereka sebagai peneraju dan pemimpin masa depan negara.

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk melihat tahap persediaan mereka dalam memikul tanggungjawab dan menghadapi cabaran sebagai seorang pendakwah. Selain itu juga, pengkaji ingin mengenalpasti kaedah dan jalan yang terbaik bagi memupuk kesedaran dan meningkatkan lagi penglibatan pelajar-pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) dalam tugas sebagai pendakwah.

Seterusnya, hasil daripada kajian ini akan dapat membantu pihak pentadbiran Universiti Teknologi Malaysia serta Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial dalam mengatur dan menyusun serta memperkemaskan lagi perisian dan sukatan pembelajaran bagi mencapai objektif sebenar .

Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Menurut Sidek Mohd. Noah (2002:42), kajian deskriptif dijalankan adalah bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi secara tepat.

Kajian deskriptif yang dilakukan dalam kajian ini adalah secara tinjauan yang melibatkan penggunaan satu set soal selidik. Tujuan soal selidik diedarkan kepada responden adalah untuk mengetahui persepsi responden terhadap kajian yang dijalankan sekaligus dapat memenuhi objektif sebenar kajian ini. Dapatan yang diperolehi akan dikelaskan mengikut aspek yang ditetapkan iaitu secara kuantitatif.

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999:123), kajian deskriptif adalah bertujuan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara pembolehubah. Kajian deskriptif dapat menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kumpulan yang dikaji, menerangkan hubungkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan memberi kesimpulan yang lebih tepat mengenai permasalahan dalam kumpulan yang dikaji.

Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat dalam melaksanakan kajian ini dan data yang diperolehi akan dinilai mengikut aspek yang telah ditentukan dan ditafsirkan secara kuantitatif. Penyelidik telah mengedarkan set soal selidik kepada pelajar-pelajar SPI sebagai sampel kajian. Seterusnya, penyelidik juga telah mengumpulkan kembali set soal selidik tersebut untuk dianalisis bagi mendapatkan hasilnya untuk mengkaji hasil dapatan, membuat rumusan serta member cadangan.

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999:88), soal selidik biasanya digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas jawab, senarai semak atau skala kadar. Soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan keterangan latar belakang, sikap, persepsi dan pandangan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan Pengajian Islam (SPI) yang terdiri daripada pelajar tahun satu, dua, tiga dan empat. Pemilihan sampel diambil daripada setiap tahun kursus. Penyelidik mengedarkan soal selidik terhadap keseluruhan pelajar SPI iaitu seramai 167 orang. Senarai populasi adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan dan populasi responden kajian

Bil	Tahun Kursus	Jumlah
1	1 SPI	16
2	2 SPI	64
3	3 SPI	41
4	4 SPI	46
	Jumlah	167

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999:40), instrumen akan menentukan jenis data yang diperolehi dan ianya akan mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Penyelidik boleh menggunakan instrumen yang telah sedia ada yang telah dibina oleh orang lain atau membina instrumen sendiri.

Pengumpulan Data : Pengumpulan data dan maklumat yang ingin diperolehi boleh dikelaskan kepada dua bahagian utama iaitu data primer dan data sekunder. Jesteru itu, untuk memastikan semua data yang dikehendaki bagi menghasilkan maklumat yang berkualiti serta menjawab persoalan kajian, penyelidik telah menetapkan kaedah yang digunakan bagi mengumpulkan kedua-dua jenis data tersebut. Kaedah pengumpulan data primer yang digunakan oleh pengkaji ini adalah menggunakan kaedah soal selidik.

Soal Selidik : Kajian ini memilih soal selidik sebagai instrumen kajian. Dalam penyelidikan, soal selidik digunakan sebagai alat ukur untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat terutamanya dalam fakta-fakta kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik lebih sesuai serta dapat memenuhi tujuan kajian dengan kos yang berpatutan manakala alat kajian yang digunakan ialah kertas soal selidik yang diberikan kepada sampel yang dipilih.

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999:4), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat terutamanya dalam fakta-fakta kepercayaan, perasaan dan sebagainya.

Kenyataan pada soal selidik dibuat mengikut skala positif dan negatif. Kenyataan yang bersikap berkecuali hendaklah dielak dan diketepikan. Matlamat penggunaan kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat daripada responden mengenai masalah yang dikaji. Penyediaan item-item soalan di dalam borang soal selidik adalah hasil perbincangan bersama pembimbing, pembacaan dan rujukan kajian yang terdahulu.

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999:88), soal selidik biasanya digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas jawab, senarai semak atau skala kadar. Soal selidik digunakan untuk mengukur persepsi, sikap, emosi, perasaan, pandangan dan istilah-istilah yang boleh dirangkumkan sebagai nilai efektif.

Selain itu soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran terhadap soalan yang dikemukakan kepada responden dan juga digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik hasil daripada inisiatif pengkaji sendiri. Soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E.

Kajian Rintis

Kajian rintis adalah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Tujuan diadakan kajian rintis adalah untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik. Kelemahan-kelemahan yang ada meskipun kecil perlu diperbaiki untuk memastikan penghasilan soal selidik yang bermutu. Item-item soal selidik ini juga telah disemak oleh penyelia bagi memastikan tahap kebolehpercayaan adalah tinggi.

Responden bagi kajian rintis ini dipilih secara rawak mudah. Mereka terdiri daripada 10 orang pelajar fakulti pendidikan yang mengambil selain daripada kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam). Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian adalah $\alpha=0.914$.

Persepsi Pelajar SPI Terhadap Kepentingan Dan Keperluan Kepimpinan Dakwah Dalam Kehidupan

Jadual 4.54 : Taburan Analisis Keseluruhan Item Bagi Objektif Pertama

Item	Perkara	Min
1	Kepimpinan dakwah merupakan satu tugas yang murni di sisi Allah S.W.T.	4.80
2	Pemimpin atau pendakwah adalah penyambung tugas para nabi dan rasul dalam menyebarkan agama Islam.	4.84
3	Kepimpinan dakwah amat penting dalam kehidupan seseorang individu dan masyarakat bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.	4.77
4	Seseorang pemimpin perlu ada sifat-sifat mahmudah seperti adil, bertimbangrasi, penyayang dan sebagainya.	4.81
5	Keterlibatan dalam organisasi berpersatuan amat digalakkan bagi menimba ilmu kepimpinan dan mencari pengalaman.	4.65
6	Kejayaan sesuatu kumpulan itu bergantung kepada kekuatan dan ketelasan dalam kepimpinan pemimpin itu.	4.59
7	Kesungguhan, komitmen dan kerjasama di kalangan ahli persatuan dapat menjana minda agar lebih bertanggungjawab dan prihatin.	4.75
8	Melalui ilmu dan pengalaman dalam kepimpinan dapat membina keyakinan diri sewaktu melaksanakan aktiviti dan beraksi di khalayak ramai.	4.64
9	Saya mengetahui betapa pentingnya penglibatan diri dalam kepimpinan dakwah dalam mendidik saya menguruskan masa dan aktiviti harian saya.	4.61
10	Melalui persatuan, saya dapat mengenali ramai pihak atasan,	4.55

	masyarakat serta kenalan.	
11	Penglibatan saya dalam persatuan tidak mengganggu pelajaran saya.	4.03
12	Akademik lebih penting daripada berdakwah.	3.04
Purata Min Keseluruhan		4.50

Berdasarkan kepada jadual 4.54, analisis keseluruhan menunjukkan bahawa purata min bagi keseluruhan item ialah 4.50. Berdasarkan kepada purata min ini, jelaslah menunjukkan bahawa persepsi pelajar SPI terhadap kepentingan dan keperluan kepimpinan dakwah dalam kehidupan berada pada tahap tinggi dan positif. Min tertinggi bagi keseluruhan item diperolehi menerusi item 2 iaitu 4.84. Responden bersetuju bahawa pemimpin atau pendakwah adalah penyambung tugas para nabi dan rasul dalam menyebarkan agama Islam. Dapatan ini menunjukkan bahawa betapa besar dan tingginya darjat para pemimpin atau pendakwah di sisi Allah S.W.T.

Diikuti nilai min lain iaitu 4.81, 4.80, 4.77, 4.75, 4.65, 4.64, 4.61, 4.59, 4.55 dan 4.03. Manakala nilai min yang terendah ialah diperolehi menerusi item 12 iaitu 3.04 di mana kebanyakan responden menafikan dengan memberi maklumbalas kurang setuju terhadap pernyataan bahawa akademik lebih penting daripada berdakwah. Ini menunjukkan bahawa bagi responden, berdakwah atau menyebarkan agama dan ilmu Allah adalah lebih penting daripada akademik.

Perbincangan

Item soalan bagi melihat persepsi pelajar terhadap kepentingan dan keperluan kepimpinan dakwah dalam kehidupan diperolehi daripada bahagian B yang mengandungi 12 item soalan. Soalan-soalan ini dibahagikan kepada 5 iaitu sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Kajian ini menunjukkan hasil purata min bagi keseluruhan item bahagian ini adalah 4.50. Ini menunjukkan bahawa responden dapat menerima segala pernyataan dengan positif.

Item yang mendapat nilai min paling tinggi iaitu item 2 sebanyak 4.84 yang menunjukkan bahawa keseluruhan responden bersetuju bahawa pemimpin atau pendakwah adalah penyambung tugas para nabi dan rasul dalam menyebarkan agama Islam. Kefahaman responden amat jelas terhadap peranan dan tugas-tugas para nabi dan rasul dan ketaatan mereka dalam menuruti dan mentaati perintah Allah S.W.T. Ini dibuktikan dengan maklumbalas daripada responden iaitu 84.2% sangat setuju dan 15.8% setuju terhadap pernyataan tersebut sejajar dengan pendapat Abdul Malik bin Muhammad Al-Qasim (2004:20), yang menjelaskan bahawa berdakwah kepada Allah S.W.T merupakan tugas para nabi dan utusan, dan orang-orang yang menempuh jalan mereka sampai hari kiamat nanti, termasuk para da'i yang soleh. Hal ini turut disokong dengan pendapat Dr. Abdul Karim Zaidan (2002:344), yang memperkatakan bahawa dakwah merupakan tugas seluruh para utusan Allah malah kerana tugas ini mereka diutuskan kepada manusia. Para utusan ini mengajak kaum mereka serta mereka yang terbabit supaya beriman dengan Allah.

Selain itu, menurut Rosmadi Bin Abdullah (2007:27), dalam kajiannya mengatakan bahawa seorang pendakwah mestilah seorang yang sanggup mengorbankan dari, harta dan waktunya untuk Allah S.W.T bagi menegakkan risalah yang agung dan meneruskan tugas mulia

para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah S.W.T untuk menyeru manusia ke jalan Tuhan mereka yang lurus serta menyuruh manusia membuat kebajikan dan menjauhi kemungkar.

Nilai min kedua tertinggi dicatat pada item 4 yang memperkatakan tentang sifatsifat yang perlu ada pada seseorang pemimpin seperti adil, bertimbang rasa, penyayang dan sebagainya. 99.2% daripada keseluruhan responden bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu 109 responden sangat setuju, 23 responden setuju dan hanya seorang sahaja yang kurang bersetuju. Ini jelas menunjukkan bahawa dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin, maka sifat-sifat mahmudah perlu ada dalam diri seseorang pemimpin itu bagi menjamin sesebuah organisasi atau persatuan mahupun kerajaan yang dipimpinya teratur, aman dan cemerlang. Hal ini bertepatan dengan hasil tulisan Dr. Abdul Monir dan Suzalie Mohamad (2002:130), yang menghuraikan bahawa pemimpin yang baik menurut Islam perlulah bertimbang rasa, adil, jujur dan amanah. Ia perlu mengambil berat tentang kebajikan orang yang di bawah jagaannya, sedia memberi tunjuk ajar dan bimbingan dan sentiasa memberi semangat dan dorongan kepada mereka.

Analisis bagi item ketiga tertinggi turut mendapat sokongan 99.2% yang menyokong pernyataan bahawa kepimpinan dakwah merupakan satu tugas yang murni di sisi Allah S.W.T yang mencatatkan nilai min 4.80. Ini membuktikan betapa murni dan tingginya darjat ke atas pemimpin dan pendakwah di sisi Allah S.W.T walaupun kadang kala mendapat cacian dan cemuhan daripada masyarakat. Kesabaran dan kecekalan hati para pemimpin dan pendakwah inilah yang menjadi tunggak dan paksi kepada mereka untuk terus berjuang di jalan Allah S.W.T sepertimana yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W dan para ulamak dahulu dan sekarang. Pernyataan tersebut turut di sokong dengan pendapat Nazimi Bin Andullah (2007:8), yang mengatakan bahawa tugas yang mulia dan paling agung sekali di dunia ialah tugas menyeru manusia kepada Allah S.W.T.

Seterusnya analisis bagi item yang mendapat nilai min terendah dan pada tahap sederhana iaitu 3.04 adalah pada item 12 yang menunjukkan sebahagian besar responden kurang setuju dan tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa akademik lebih penting daripada berdakwah. Ini bermakna bagi mereka berdakwah dalam menegakkan dan menyebarkan agama Allah S.W.T adalah lebih penting daripada menuntut ilmu sama ada ilmu agama mahupun ilmu keduniaan yang lain. Namun begitu, dapatan ini bertentangan dengan pendapat Dr. Abdul Karim Zaidan (2002:366), iaitu sebagai seorang muslim, dia perlu sentiasa menambah pengetahuannya mengenai ilmu syarak supaya dia mengetahui asas dakwahnya dan supaya dia melaksanakan dakwah ini berdasarkan ilmu yang dimilikinya.

Rujukan

- Akmal Hj. Mohd. Zain (2001). *Bimbingan Berdakwah : Pendekatan Yang Berkesan Di Alaf Baru*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.
- Ali Abdul Halim Mahmud (1995). *Dakwah Fardiah, Metode Membentuk Peribadi Muslim*. Jakarta : Gema Insani Press.
- Badli Hisham Mohd. Nasir (2008). *Wasiat-Wasiat Dakwah*. Selangor : Karisma Publications Sd. Bhd.
- Dato' Wan Hussein Azmi (1988). *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dr. Abdul Hamid Othman (2000). *Islam, Perjuangan dan Harapan*. Selangor: Yayasan Pendidikan Islam Malaysia.

- KH. Adib Bisri Musthofa (1999). *Terjemahan Shahih Muslim Jilid III*. Kuala Lumpur. Victory Agencie.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosmadi Bin Ismail (2007). *Tanggungjawab Dakwah Di Kalangan Guru-Guru Islam Sekolah-Sekolah Rendah Kelompok Lima Zon Sungai Siput (U)*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Sheikh Abdullah Basmeih (2001). *Mushaf Malaysia Rasm Uthmani : Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Sidek Mohd. Noh (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Wan Hussein Azmi (Prof. Madya, Ph.D. al-Azhar) (1984). *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.